

03 DEC 1997

Mahathir-Buku

DR MAHATHIR RASMI KAMPUNG BUKU DI LANGKAWI

LANGKAWI, 3 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Kampung Buku Malaysia yang terletak di pinggir air terjun Lubok Semilang di sini.

Kampung Buku itu yang diilhamkan oleh Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid merupakan kampung buku yang ketujuh di dunia.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Dalam perutusannya pada buku cenderamata sempena pelancaran kampung buku itu, Sanusi berkata kampung itu mempunyai enam buah "rumah," masing-masing digunakan oleh penerbit buku seperti Dewan Bahasa dan Pustaka.

Katanya, kampung buku itu akan mempunyai 40 buah rumah tidak lama lagi.

Beliau juga berkata buku atau broucer mengenai Langkawi dapat diedarkan kepada kampung buku dan pekan buku lain di seluruh dunia dengan jumlah pengunjung sebanyak 25 juta orang bagi tujuan mempromosikan pulau peranginan ini sebagai sebuah destinasi pelancongan.

Antara kampung buku lain di dunia ialah di Redu, Belgium manakala pekan buku pula di Bredevoort, Belanda.

Kampung buku yang pertama di dunia diasaskan kira-kira 25 tahun dahulu di Hay-on-Hye yang terletak di sempadan England dan Wales.

Dr Mahathir yang berada di sini bagi menghadiri Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) '97, sebelum itu mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di pusat peranginan Gunung Raya di sini.

Dr Mahathir dalam ucapan perasmiannya berkata, rakyat Malaysia akan menjadi bangsa yang maju sekiranya mereka dapat memperluaskan ilmu dengan mengamalkan sikap gemar membaca.

"Apabila kita menjadi bangsa yang berilmu, kita akan dapat menangani banyak masalah yang timbul dalam hidup kita," katanya.

"Jadikan membaca tabiat kita dengan membawa buku walau ke mana sahaja kita pergi," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah salah anggapan sesetengah orang Islam yang berfikiran sempit bahawa agama hanya menyuruh kita membaca Al-Quran dan kitab-kitab agama sahaja.

Orang Islam harus memperluaskan bacaannya selaras dengan ayat pertama Al-Quran yang menyeru supaya kita membaca.

Dr Mahathir berkata suasana di Kampung Buku ini tenang dan ini membolehkan proses pemikiran untuk mendapatkan ilmu, terutama ilmu-ilmu baru.

Beliau percaya Kampung Buku ini juga akan menarik pelancong asing, yang berminat dengan pengetahuan dan mendatangkan faedah kepada rakyat yang bercampur-gaul dengan pelancong itu melalui pertukaran ilmu dan pengalaman.

-- BERNAMA

MOK NMO